



Kenyataan Media

CYBERJAYA

3 Julai 2021

PENDUDUK HULU TERENGGANU KINI BOLEH NIKMATI JARINGAN TELEKOMUNIKASI LEBIH BAIK SELEPAS TIGA (3) MENARA KOMUNIKASI YANG DIBINA BEROPERASI SEPENUHNYA

Para penduduk di Hulu Terengganu kini boleh menikmati jaringan telekomunikasi yang lebih baik selepas tiga (3) menara komunikasi baharu yang dibina di tiga (3) lokasi iaitu di Kolej Hutecs, Kampung Kepah dan Kampung Machang telah beroperasi sepenuhnya pada 31 Mei yang lalu dengan liputan 4G. Ini adalah lanjutan daripada lawatan kerja Pengerusi MCMC bersama Ahli Parlimen Hulu Terengganu YB Dato' Rosol Bin Wahid di kawasan ini pada 6 Mac 2021 yang lalu.

Pembinaan menara-menara berkenaan di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) itu akan memanfaatkan lebih 3,000 orang penduduk di kawasan menara tersebut iaitu Kolej Tingkatan Enam Hulu Terengganu/ Hutecs, Kampung Butut dan taman perumahan sekitar seperti perumahan Tok Hujib dan Perumahan Seri Bajar. Bagi kawasan menara Kampung Machang pula, ianya melibatkan Kampung Machang dan sekitar manakala menara di Kampung Kepah, ia melibatkan Kampung Tengkawang dan Kampung Matang.



PENGARAH MCMC Terengganu, Mohd Fairus Muhamad (dua dari kiri) bersama-sama dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Berang, Dr. Haji Mamad Puteh (baju berwarna kuning) meninjau menara komunikasi Kg. Kolej Hutecs, di Kuala Berang, baru-baru ini.

Pembinaan menara-menara komunikasi baharu itu juga membantu meningkatkan taraf hidup penduduk setempat selain mempersiapkan penduduk berhadapan dengan era digital yang kian mencabar.

Pada masa yang sama, dengan adanya liputan 4G di kawasan-kawasan yang dimaksudkan, ia juga membantu para guru dan pelajar sekolah untuk melaksanakan serta mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dengan lancar dan berkesan.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



SKMM_MCMC



MCMCTV